

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 13

## Kajian Separuh Penggal RMK12 dibentang di Dewan Negara

**Kajian Separuh Penggal RMK12 dibentang di Dewan Negara**

**KUALA LUMPUR** - Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) yang menggariskan dasar dan inisiatif bagi memperkukuh agenda pembangunan negara dan rakyat ke arah mencapai matlamat Ekonomi Madani dibentangkan di Mesyuarat Khas Dewan Negara pada Rabu.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli membentangkan usul KSP RMK12 yang menyaksikan Kerajaan Perpaduan menambah jumlah siling perbelanjaan RMK12 sebanyak RM15 bilion untuk dibahaskan dalam mesyuarat khas dewan tertinggi yang akan bersidang selama empat hari.



**RAFIZI**

Bellau berkata, KSP RMK12 memberi keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif bagi pembangunan sosioekonomi serta langkah memantapkan tadbir urus negara dengan tiga tumpuan utama iaitu memperkukuh kemampunan, membangunkan masyarakat sejahtera dan menuju negara berpendapatan tinggi.

"Berharap semua ahli Dewan Negara memberi kerjasama, sokongan dan merestui usaha kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara selaras dengan aspirasi Malaysia Madani dan berlandaskan kerangka Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat yang dibentangkan kerajaan pada 27 Julai lepas.

"Saya juga menyeru rakyat Malaysia berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan negara adalah telus, adil dan saksama," katanya ketika membentangkan usul berkenaan.

Rafizi turut mengambil kesempatan merakamkan penghargaan kepada ahli Dewan Rakyat yang telah meluluskan usul KSP RMK12 yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM415 bilion melalui undian suara selepas Kementerian Kewangan selesai membuat penggulungan pada Selasa.

"Saya bersyukur usul KSP RMK12 yang dibentang Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 11 September lepas telah diluluskan Dewan Rakyat semalam (Selasa) dan saya juga bersyukur kerana umumnya KSP telah disambut baik oleh semua pihak," katanya.

RMK12 dengan peruntukan RM400 bilion yang dibentangkan pada 27 September 2021 merupakan fasa pelengkap rancangan pembangunan lima tahun negara (2021-2025) ke arah mencapai status negara maju dan inklusif.

Penyediaan KSP RMK12 adalah untuk mengukur pencapaian sasaran bagi tempoh dua tahun pertama (2021-2022) serta hala tuju 2023-2025, merangkumi kajian semula sasaran, strategi, inisiatif, program dan projek pembangunan bagi matlamat pembangunan serta pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan.

- *Bernama*